



Kisah Rasul-Rasul 1





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

"DENGAN KUASA ROH ALLAH, YESUS MEMBERIKAN PETUNJUK KEPADA RASUL-RASUL YANG TELAH DIPILIH-NYA."

SAUDARA TEOFILUS YANG TERHORMAT, DI DALAM KITAB SAYA YANG PERTAMA, SAYA TELAH MENERANGKAN SEGALA PERKARA YANG DILAKUKAN DAN DIAJARKAN OLEH YESUS, SEHINGGA PADA HARI DIA DIANGKAT KE SYURGA.



"SETELAH KEMATIAN-NYA, BANYAK KALI YESUS MENUNJUKKAN DIRI DENGAN NYATA SEKALI KEPADA RASUL-RASUL ITU, SEBAGAI BUKTI YANG DIA BENAR-BENAR HIDUP."

"DIA MENAMPACKAN DIRI KEPADA LEBIH DARIPADA LIMA RATUS ORANG PENGKUT-NYA SEKALIGUS."



"DIA JUGA MEMBERI MEREKA SATU PERINTAH JELAS..."

... JANGANLAH TINGGALKAN YERUSALEM, TETAPI TUNGGULAH PEMBERIAN YANG SUDAH DIJANJIKAN OLEH BAPA-KU, DAN YANG SUDAH AKU BERITAHUKAN KAMU DAHULU.

YOHANES MEMBAPTIS KAMU DENGAN AIR, TETAPI BEBERAPA HARI LAGI KAMU AKAN DIBAPTIS DENGAN ROH ALLAH.



"RASUL-RASUL
ITU BERTANYA
KEPADA-NYA..."

TUHAN, ADAKAH
TUHAN MAHU
MEMULIHKAN
PEMERINTAHAN BANGSA
ISRAEL SEKARANG?

"TETAPI MEREKA BELUM
MEMAHAMI RANCANGAN
LEBIH BESAR TUHAN..."



KAMU TIDAK PERLU
MENGETAHUI MASA DAN
WAKTU YANG SUDAH
DITETAPKAN OLEH BAPA-KU,
KERANA HAL ITU
HAK-NYA.

TETAPI KAMU AKAN MENERIMA
KUASA, APABILA ROH ALLAH DATANG
KEPADA KAMU. LALU KAMU AKAN
MENJADI SAKSI-SAKSI-KU DI YERUSALEM,
DI SELURUH YUDEA, DAN SAMARIA, SERTA
SAMPAI KE HUJUNG BUMI.



"SETELAH YESUS BERKATA DEMIKIAN,
DIA DIANGKAT KE SYURGA."



TETAPI ARAHAN
TERAKHIR KEPADA
RASUL-RASUL YESUS
DATANG DARIPADA
SEORANG
MALAIKAT...

MENGAPA KAMU
BERDIRI MENENGADAH
KE LANGIT?

YESUS, YANG KAMU LIHAT
DIANGKAT KE SYURGA, AKAN KEMBALI
LAGI DENGAN CARA YANG SAMA
SEPERTI YANG KAMU LIHAT TADI.

"KEMUDIAN RASUL-RASUL ITU
KEMBALI KE YERUSALEM."



"DENGAN SEHATI MEREKA BERKUMPUL DAN BERDOA
BERSAMA-SAMA WANITA-WANITA, TERMASUK MARIA IBU YESUS,
DAN SAUDARA-SAUDARA YESUS."



"KIRA-KIRA 120 ORANG
PENGIKUT HADIR DAN SELEPAS
MEREKA BERDOA, PETRUS BERDIRI
UNTUK BERKATA-KATA."



APA YANG
TERTULIS DI DALAM
ALKITAB HARUS
BERLAKU...

"... DAHULU ROH ALLAH BERNUBUAT
TENTANG YUDAS, YANG MEMIMPIN
KUMPULAN ORANG YANG
MENANGKAP YESUS."



"YUDAS SEORANG DARIPADA KITA, DIA PUN
DIPILIH UNTUK BEKERJA BERSAMA-SAMA KITA."



"KITAB MAZMUR
TERTULIS, 'BIARLAH
RUMAHNYA MENJADI
KOSONG...'"

"... HENDAKLAH ORANG
LAIN MENGAMBIL ALIH
TUGASNYA."



KITA HARUS MEMILIH
SEORANG YANG TELAH
BERSAMA KITA DARI
PERMULAAN--



SAYA MENCADANGKAN YUSUF -
DIA TELAH MENYAKSIKAN
KEBANGKITAN YESUS.


YA, DIA SEORANG
YANG BAIK.

DAN SAYA
MENCADANGKAN
MATIAS. DIA SEORANG
YANG BERIMAN DAN
PENUH DENGAN ROH
ALLAH.



YA TUHAN, ENKAU
MENGETAHUI HATI
SEMUA ORANG.

TUNJUKKANLAH YANG MANA
ANTARA DUA ORANG INI YANG
AKAN ENKAU PILIH UNTUK
MENJALANKAN TUGAS ITU BAGI
MENGANTIKAN YUDAS.



"KEMUDIAN MEREKA
MENENTUKAN PILIHAN
DENGAN UNDI..."

"... DAN MATIAS TERPILIH."

"DIA TERPILIH MENJADI RASUL
UNTUK MENYERTAI SEBELAS ORANG
RASUL YANG LAIN."



"APABILA HARI PENTAKOSTA
(AKHIR MUSIM TUAIAN) TIBA,
SEMUA ORANG YANG PERCAYA
KEPADA KRISTUS BERKUMPUL
DI SATU TEMPAT."

"TIUPAN ANGIN YANG KUAT
DATANG DARI SYURGA DAN
MEMENUHI RUMAH TEMPAT
MEREKA BERADA- DAN SESUATU
YANG MENYERUPAI LIDAH API
MENJALAR DAN MENGHINGGAPI
SETIAP ORANG DI SITU."

"APABILA MENDENGAR SUARA ITU,
ORANG YAHUDI YANG PERCAYA TUHAN
DATANG BERKUMPUL DI SITU."

DIA BERTUTUR DI
DALAM BAHASA SAYA -
MEDIA - TENTANG HAL-HAL
LUAR BIASA YANG DILAKUKAN
OLEH YESUS!

SAYA DENGAR
BAHASA PARTIA -
BERTUTUR YANG ALLAH
BOLEH MENEBUS DOSA
SAYA.

SAYA MENDENGAR
KEAJAIBAN TUHAN DI
DALAM BAHASA ELAM.



"MEREKA MULA BERKATA-KATA DALAM PELBAGAI BAHASA LAIN, MENURUT APA YANG DIBERIKAN OLEH ROH ALLAH KEPADA MEREKA."



SEMUA ORANG INI MABUK!

YA- MEREKA SEMUA MINUM TERLALU BANYAK DI PESTA PENTAKOSTA.

"SI NELAYAN PETRUS BERDIRI DAN BERCAKAP DENGAN SUARA LANTANG. DIA SEORANG YANG TELAH BERUBAH."

"KATA-KATANYA PADA HARI ITU CUKUP BERKESAN..."

SEMUA ORANG INI TIDAK MABUK SEPERTI YANG SAUDARA-SAUDARA SANGKA, KERANA KINI BARU PUKUL SEMBILAN PAGI!

TETAPI HAL INI SUDAH DIBERITAHUKAN OLEH ALLAH MELALUI NABI YOEL- INILAH YANG AKAN BERLAKU PADA AKHIR ZAMAN.



AKU AKAN MELAKUKAN
MUKJIZAT DI ATAS, DI
LANGIT, DAN KEAJAIBAN
DI BAWAH SINI, DI BUMI.

SESIAPA YANG
BERSERU KEPADA
TUHAN AKAN
DISELAMATKAN.

DENGARLAH
SAUDARA-SAUDARA ORANG
ISREAL - YESUS YANG KAMU
TELAH SALIBKAN, ALLAH
TELAH MENJADIKAN-NYA
KEDUA-DUA KRISTUS DAN
TUHAN.

BERTAUBATLAH
DARIPADA DOSA - SETIAP
ORANG - DAN
DIBAPTISKAN DEMI NAMA
YESUS KRISTUS, SUPAYA
DOSA SAUDARA-SAUDARA
DIAMPUNKAN .

DAN SAUDARA
SEMUA AKAN
MENERIMA
PEMBERIAN ALLAH,
IAITU ROH ALLAH.



"PADA HARI ITU,
BERIBU-RIBU
ORANG PERCAYA."

"...3,000 ORANG
DIBAPTISKAN DAN
PENGIKUT-PENGIKUT
KRISTUS MAKIN
BERTAMBAH."



"DENGAN TEKUN
MEREKA MENERIMA
AJARAN DARIPADA
RASUL-RASUL."



"MEREKA HIDUP
BERSAUDARA, MAKAN
BERSAMA-SAMA, DAN
BERDOA BERSAMA-SAMA."



"TEOFILUS, MEREKA SEMUA TELAH BERUBAH."

"MEREKA MENJUAL HARTA BENDA MEREKA
DAN AKAN BERKONGSI KEPERLUAN DENGAN
SESIAPA SAHAJA YANG MEMERLUKANNYA."



"TIAP-TIAP HARI TUHAN MENAMBAH
BILANGAN ORANG YANG DISELAMATKAN
OLEH ALLAH."

TETAPI INI HANYA
PERMULAANNYA...

"PADA SUATU HARI, PETRUS DAN YOHANES PERGI KE RUMAH TUHAN
DAN BERTEMU DENGAN SEORANG PENGEMIS YANG LUMPUH."

TOLONG, SAYA
TIDAK DAPAT BEKERJA...
SAYA PERLUKAN DUIT
UNTUK MAKAN.

DENGAN KUASA
YESUS KRISTUS
ORANG NASARET -
BERJALANLAH!

AKU SAMA SEKALI
TIDAK MEMPUNYAI
WANG, TETAPI APA
YANG ADA PADAKU
AKAN AKU BERIKAN
KEPADAMU.





SAUDARA-SAUDARA
ORANG ISRAEL, MENGAPA
SAUDARA SEMUA HAIRAN
AKAN PERKARA INI?

MENGAPA SAUDARA-
SAUDARA MERENUNG KAMI
DAN MENYANGKA BAHWA
ORANG INI BOLEH BERJALAN
KERANA KUASA KAMI?



ALLAH YANG DISEMBAH
OLEH NENEK MOYANG
KITA, SUDAH
MEMPERMULIAKAN
HAMBANYA,
YESUS.

KAMU MENAFINYA
DAN MEMBUNUHNYA
TETAPI ALLAH
MEMBANGKITKAN DIA
DARIPADA KEMATIAN,
DAN KAMI MENYAKSIKAN
PERKARA ITU.

DENGAN KUASA
YESUS ORANG
LUMPUH INI
DIKUATKAN.



DAHULU KALA MELALUI
NABI-NABI, ALLAH BERITAHU
BAHWA PENYELAMAT YANG
DIUTUS-NYA HARUS MENDERITA.
DEMIKIANLAH PERKARA ITU
BERLAKU SEPERTI YANG
DIKEHENDAKI-NYA.

BERTAUBATLAH
DARIPADA DOSA DAN
KEMBALILAH KEPADA ALLAH,
SUPAYA DIA MENGHAPUS
DOSANYA-SAUDARA
DAN SAUDARA SEKALIAN
AKAN MENGALAMI
KESEGARAN ROHANI.



SESIAPA YANG
TIDAK MAHU MENTAATI
KATA-KATANYA AKAN
DISINGKIRKAN
DARIPADA UMAT ALLAH
DAN DIBINASKAN-

ALLAH BERBUAT DEMIKIAN
DENGAN MENYEBABKAN
SAUDARA SEKALIAN
BERTAUBAT DARIPADA CARA
HIDUP YANG JAHAT.

DIA TIDAK DAPAT BERJALAN SEMALAM – SAYA MELIHATNYA!

SAYA JUGA – SAYA BARU SAJA MENDERMA WANG KEPADANYA.

DENGAR KATA SI NELAYAN ITU MENGGUNA NAMA YESUS UNTUK MENYEMBUHKAN LELAKI INI.

TIDAK MUNGKIN.

"INI MENDAPAT PERHATIAN PIHAK BERKUASA YANG TIDAK MENYUKAI YESUS DAN SEKARANG RASUL-RASUL YANG MENGAJAR TENTANG YESUS."

TANGKAP DIA! DIA YANG DENGAN ORANG LUMPUH... UHH... YANG DULU LUMPUH.

TANGKAP TEMAN DIA JUGA. MEREKA BOLEH BERMALAM BERSAMA DI DALAM PENJARA.

MEREKA AKAN DIBICARAKAN ESOK.

TENTUNYA ADA SESUATU DENGAN LELAKI YESUS INI.

MENGAPA DIA DISALIBKAN OLEH PARA PEMIMPIN KAMI?

... TETAPI DIA MENYEMBUHKAN SAYA.

PENGIKUT-PENGIKUTNYA BERKATA DIA MASIH HIDUP.

"PEMERINTAH-PEMERINTAH AGAMA TIDAK GEMBIRA. BILANGAN ORANG YANG PERCAYA KEPADA YESUS TELAH BERTAMBAH KEPADA KIRA-KIRA 5,000 ORANG."

"KERANA MEREKA TIDAK PASTI APA YANG MEREKA HARUS LAKUKAN, MEREKA MEMENJARAKAN ORANG RASUL ITU."



DENGAN KUASA
APA ATAU DENGAN
KUASA SIAPA KAMU
MELAKUKAN HAL
ITU?



AGAKNYA HARI INI KAMI DISOAL KERANA
KAMI TELAH BERBUAT BAIK KEPADA ORANG
LUMPUH ITU DAN KERANA TUAN-TUAN
MAHU TAHU BAGAIMANA DIA
DISEMBUHKAN. -



DIA SEMBUH KERANA KUASA YESUS
KRISTUS ORANG NASARET ITU.

TUAN-TUAN
MENYALIBKAN DIA,
TETAPI ALLAH SUDAH
MEMBANGKITKAN DIA
DARI KEMATIAN.



HANYA MELALUI YESUS,
ORANG DISELAMATKAN,
KERANA DI SELURUH DUNIA
TIADA ORANG LAIN YANG DAPAT
KEKUASAAN DARIPADA ALLAH
UNTUK MENYELAMATKAN
KAMI.

"ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS
AGAMA HAIRAN."

"MEREKA TAHU BAHAWA KEDUA-DUA PETRUS
DAN YOHANES MERUPAKAN ORANG BIASA YANG
TIDAK BERPENDIDIKAN."

"MEREKA JUGA SEDAR BAHAWA KEDUA-DUA
ORANG ITU SAHABAT KARIB YESUS."



"TETAPI KERANA ORANG YANG DISEMBUHKAN
ITU BERTIDI DI HADAPAN MEREKA..."



"... MEREKA TIDAK DAPAT BERKATA APA-APA."

SEMUA YANG TINGGAL DI YERUSALEM
TAHU BAHAWA MUKJIZAT YANG LUAR
BIASA ITU DILAKUKAN
OLEH MEREKA.

TETAPI SUPAYA
PERKARA INI TIDAK TERSEBAR
LEBIH LUAS LAGI, BAIK KITA
BERIKAN AMARAN KEPADA
MEREKA SUPAYA JANGAN
BERKATA-KATA TENTANG
NAMA YESUS LAGI.



KALI INI KAMI AKAN TUNJUKKAN BELAS KASIHAN.
TETAPI KAMU DILARANG MENYEBUT NAMA YESUS
ATAU MENGAJAR DENGAN NAMA-NYA LAGI.



PERTIMBANGKAN SENDIRI
MANA YANG BENAR DI SISI
ALLAH: TAAT KEPADA TUAN-
TUAN ATAU TAAT KEPADA
ALLAH?

KAMI TIDAK DAPAT
BERHENTI BERKATA-KATA
TENTANG APA YANG SUDAH
KAMI LIHAT DAN
DENGAR.



"KATA-KATA IMAM-IMAM ITU TIDAK
MENCAPAI HASIL YANG DIINGINI."



"MEREKA MULAI DENGAN SEHATI BERDOA."



YA TUHAN, ENGKAU
SUDAH MENJADIKAN
LANGIT, BUMI, DAN LAUT
DENGAN SEGALA
ISINYA.

MENGAPA
ORANG BUKAN YAHUDI
MARAH? MENGAPA
BANGSA-BANGSA LAIN
BUATKAN PAKATAN
YANG SIA-SIA?

HERODES DAN PONTIUS PILATUS BERSATU
UNTUK MELAKUKAN SEGALA YANG TELAH ENGKAU
TETAPKAN TERLEBIH DAHULU AKAN BERLAKU.
ENGKAU DAPAT MENETAPKAN DEMIKIAN KERANA
KEKUASAAN DAN KEHENDAK-MU.



TETAPI SEKARANG, YA TUHAN,
LIATLAH BAGAIMANA MEREKA
MENGANCAM KAMI. TOLONGLAH KAMI,
HAMBA-HAMBA-MU, MEMBERITAKAN
PERKHABARAN-MU DENGAN PENUH
KEBERANIAN.

TUNJUKKANLAH KUASA-MU SUPAYA ORANG SAKIT
DISEMBUHKAN. HENDAKLAH MUKJIZAT DAN KEAJAIBAN
BERLAKU DENGAN KUASA YESUS, HAMBA-MU YANG SUCI.

"TUHAN
BEKERJA"



"SETELAH MEREKA SELESAI
BERDOA, TEMPAT MEREKA
BERKUMPUL ITU
BERGONCANG."

"MEREKA SEMUA DIKUASAI
OLEH ROH ALLAH, DAN
MULA MENYAMPAIKAN
PERKHABARAN DARIPADA
ALLAH DENGAN PENUH
KEBERANIAN."



"TIDAK SEORANG PENGIKUT YESUS MENGANGGAP APA YANG DIMILIKINYA KEPUNYAANNYA SENDIRI."

"MEREKA SALING BERKONGSI MILIK."

"INI MEMPENGARUHI ORANG DI KALANGAN MEREKA."

WALAUPUN DIA ADA SIKIT - SAYA MELIHATNYA BERI SEDIKIT TEPUNG KEPADA JIRANNYA.

DAN MIRIAM BERIKAN SAYA SALAH SATU DARIPADA SELIMUT TERBAIKNYA.

"TIDAK SEORANG PUN DI KALANGAN MEREKA KEKURANGAN APA-APA DAN RASUL-RASUL ITU MEMBERIKAN KESAKSIAN DENGAN KUASA YANG BESAR."

TUHAN MEMILIH HARI INI- HARI INI UNTUK KAMU MENJAWABNYA.

DIALAH FIRMAN KEHIDUPAN!

"MEREKA JUGA MENJUAL HARTA DAN TANAH MEREKA DAN MENYERAHKAN HASIL PENJUALAN ITU KEPADA RASUL-RASUL."

"SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA MERUPAKAN YUSUF. RASUL-RASUL JUGA MEMANGGIL DIA BARNABAS, YANG BERERTI PENGALAK."

"KAMU AKAN DENGAR LEBIH LANJUT TENTANG TEOFILUS. DIA SEORANG YANG RENDAH HATI DAN SEDIA UNTUK DIGUNAKAN OLEH TUHAN."

"TETAPI SYAITAN TIDAK BERPUTUS ASA UNTUK MENGHASUT KUMPULAN PENGIKUT KRISTUS MUDA INI."



KATAKAN KITA MENDAPAT SEBANYAK INI APABILA KITA MENJUAL TANAH ITU.

KAMU PASTI? ORANG AKAN BERFIKIR LEBIH TENTANG KITA DARIPADA APA YANG KITA LAYAK.

INI AKAN MENINGKATKAN KEDUDUKAN KAMI DALAM KOMUNITI. TIADA SESIAPA YANG AKAN TAHU.



ANANIAS, MENGAPA KAMU MEMBIARKAN IBLIS MENGUASAI HATIMU, SEHINGGA KAMU BERTUSTA TERHADAP ROH ALLAH?

KAMU TELAH MENYIMPAN SEBAHAGIAN DARIPADA WANG PENJUALAN TANAHMU ITU.



BUKANKAH TANAH ITU MILIKMU, SEBELUM KAMU MENJUALNYA? SETELAH KAMU MENJUALNYA, WANGNYA MILIKMU JUGA.

KAMU TIDAK BERTUSTA TERHADAP MANUSIA - TETAPI TERHADAP ALLAH.



"SEBAIK SAHAJA ANANIAS MENDENGAR KATA-KATA ITU, DIA JATUH LALU MATI."



"KEMUDIAN BEBERAPA ORANG MUDA DATANG DAN MEMBAWANYA KE LUAR DAN MENGUBURKANNYA."



"KIRA-KIRA TIGA JAM KEMUDIAN...
ISTERI ANANIAS MASUK."



KATAKANLAH, ADAKAH WANG INI SELURUH
HASIL PENJUALAN TANAH YANG KAMU
TERIMA BERSAMA-SAMA SUAMIMU?

YA, MEMANG
ITU SEMUANYA.



MENGAPA KAMU DAN
SUAMIMU BERPAKAT UNTUK
MENCUBAI ROH TUHAN?

LIHATLAH!
ORANG MUDA YANG
MENGUBURKAN
SUAMIMU ADA DI
DEPAN PINTU.

MEREKA
PUN AKAN
MENGUSUNGMU
KE LUAR.



KUBURKANNYA
DENGAN
SUAMINYA.



"DENGAN DEMIKIAN JEMAAH DAN SEMUA
ORANG LAIN YANG MENDENGAR PERISTIWA
ITU MENJADI SANGAT TAKUT."

"BANYAK MUKJIZAT DAN KEAJAIBAN DILAKUKAN OLEH RASUL-RASUL DI KALANGAN ORANG RAMAI DENGAN NAMA YESUS KRISTUS - MASYARAKAT SANGAT MENGHORMATI MEREKA."



"BILANGAN MEREKA SEMAKIN BERTAMBAH DI YERUSALEM, KERANA BANYAK ORANG LELAKI DAN PEREMPUAN PERCAYA KEPADA TUHAN."



"ORANG SAKIT DIBARINGKAN DI ATAS TILAM ATAU TIKAR, LALU DIBAWA KE JALAN DENGAN HARAPAN MEREKA TERKENA BAYANG PETRUS, APABILA DIA LALU DI SITU."

"MEREKA MEMBAWA ORANG YANG DIRASUK ROH JAHAT."



"TUHAN MELAKUKAN BANYAK PERKARA YANG LUAR BIASA - DAN KEBANYAKKAN ORANG MEMBERI PUJIAN KEPADA TUHAN."

"KECUALI IMAM AGUNG DAN SEMUA PENGIKUTNYA..."



"PARA IMAM GOLONG ORANG SADUKI IRI HATI TERHADAP PARA RASUL TUHAN. MEREKA MENANGKAP RASUL-RASUL ITU LALU MEMASUKKAN MEREKA KE DALAM PENJARA AWAM."

KAMU TIDAK TAHU
BAGAIMANA UNTUK
MENGIKUTI PERINTAH. KAMI
BOLEH MENGAJAR KAMU –
SI NELAYAN JAHIL!

MUNGKIN SATU
MALAM DALAM PENJARA
AKAN MENGUBAH CARA
FIKIRAN KAMU.



PERGILAH BERDIRI
DI RUMAH TUHAN DAN
BERITAHU ORANG RAMAI
TENTANG HIDUP
YANG BARU INI.





APA- APA YANG BERLAKU?

BAGAIMANA INI BOLEH BERLAKU? PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA TIDAK MELIHAT SIAPA-SIAPA DATANG ATAU MENINGGALKAN PENJARA.



KAMI BINGGUNG.

PINTU PENJARA MASIH TERKUNCI BAIK-BAIK, DAN PENGAWAL-PENGAWAL SEDANG BERJAGA DI PINTU.

LIHAT! ORANG...

... ORANG YANG TUAN-TUAN TAHAN DI PENJARA SEDANG MENGAJAR ORANG RAMAI DI RUMAH TUHAN.



TIDAK MUNGKIN...

KALAU ITU MEREKA - TANGKAP MEREKA. SEKARANG!



MENGAPA KAMU INGIN MENANGKAP MEREKA?

MEREKA TIDAK BERSALAH.

SILA DATANG DENGAN KAMI - MAJLIS AGAMA MAHU KAMU MENGHADAP MEREKA.



APA YANG HARUS KAMI LAKUKAN KEPADA KAMU? DENGAN TEGAS KAMI MELARANG KAMU MENGAJAR BERDASARKAN AJARAN ORANG ITU.

KAMU MENYEBARKAN AJARAN KAMU KE SELURUH YERUSALEM, DAN KAMU MAHU MENDAKWA KAMI BERTANGGUNGJAWAB ATAS KEMATIANNYA.



KAMI HARUS TAAT KEPADA ALLAH- BUKAN KEPADA MANUSIA.

YA- TUHAN SAHAJA.

YESUS YANG TUAN-TUAN SALIBKAN, SUDAH BANGKITKANNYA DAN ALLAH MENGANGKAT DIA KE TEMPAT YANG BERKUASA DI SEBELAH KANAN-NYA.



DIA SAHAJA BOLEH MENJADI PENYELAMAT, SUPAYA UMAT ISRAEL MENDAPAT PELUANG UNTUK BERTAUBAT DAN MENDAPAT PENGAMPUNAN DOSA.

KAMI MENJADI SAKSI DALAM SEMUA PERKARA INI - DAN JUGA ROH ALLAH, YANG DIKURNIAKAN OLEH ALLAH KEPADA ORANG YANG MENTAATI PERINTAH-NYA.



BAWA MEREKA PERGI!

MEREKA MESTI
DIHUKUM MATI –
MEREKA MENGUTUK
TUHAN.

KITA MESTI
MENGHAPUSKAN MEREKA
YANG MENCELA NAMA
TUHAN. MEREKA NABI
PALSU YANG HARUS
MATI!

KEMATIAN!

MEREKA YANG
MENGUTUK TUHAN
HARUS DIREJAM
BATU.

“TETAPI DI KALANGAN ANGGOTA MAJLIS
AGAMA ITU ADA SEORANG FARISI BERNAMA
GAMALIEL YANG BERKATA DENGAN TENANG.”

SAUDARA-SAUDARA
ORANG ISRAEL- FIKIRKAN
BAIK-BAIK APA YANG HENDAK
SAUDARA-SAUDARA
LAKUKAN TERHADAP
ORANG ITU.

BIARLAH AKU
INGATKAN
SEMUA...

DAHULU ADANYA
TEUDAS YANG MUNCUL
DAN MENGANGGAP DIRINYA
SEORANG PEMIMPIN YANG
BESAR – TETAPI DIA DAN
PENGIKUT-PENGIKUTNYA
DIBUNUH.

SETELAH ITU YUDAS,
DARI GALILEA PUN MUNCUL
PADA MASA PEMBANCIAN. DIA
MEMPENGARUHI BANYAK
ORANG, TETAPI DIA JUGA
TERBUNUH.

SAYA CADANGAN -
BIARKAN MEREKA
PERGI!

JIKA APA YANG
DICADANGKAN DAN DILAKUKAN
MEREKA ITU DARIPADA
MANUSIA, MAKA SEMUANYA
AKAN LENYAP.

TETAPI JIKA SEMUA ITU DATANG DARIPADA
ALLAH, KAMU TIDAK AKAN DAPAT MENGALAHKAN MEREKA -
MALAH MUNGKIN AKAN TERNYATA BAHAWA
SAUDARA-SAUDARA MELAWAN ALLAH.

"NASIHAT GAMALIEL DITERIMA
OLEH MAJLIS AGAMA-
RASUL-RASUL ITU TIDAK
DIBUNUH TETAPI TETAP DIBERI
HUKUMAN."

KAMU DILARANG
MENGAJAR LAGI
BERDASARKAN AJARAN
YESUS. CAMBUK INI AKAN
INGATKAN KAMU.

SEBAT MEREKA.
DENGAN KUAT.



KAMI LAYAK
MENANGGUNG
HUKUMAN BAGI
YESUS!

YA- SEPERTI YESUS.
KAMI HARUS KEMBALI
BERSAKSI TENTANG
YESUS DAN
PENGAMPUNANNYA.

"SETIAP HARI, BAIK DI RUMAH
TUHAN MAHUPUN DI RUMAH
ORANG, RASUL-RASUL ITU
TIDAK BERHENTI-HENTI
MENGAJAR TENTANG YESUS."

"TETAPI SATU PERISTIWA
YANG AKAN MENGUBAH
PERJALANAN IMAM MEREKA
BAKAL BERLAKU..."



"LELAKI ITU
BERNAMA STEFANUS."

"PADA MASA INI, RASUL-RASUL
TUHAN SEDAR MEREKA TIDAK PATUT
ABAIKAN TUGAS MENGHABARKAN
FIRMAN ALLAH UNTUK MENGURUS
MASALAH KEWANGAN."



"STEFANUS, SEORANG YANG KUAT
IMANNYA DAN DIKUASAI OLEH ROH ALLAH."

"DIA DAN TUJUH ORANG
LELAKI LAIN DIPILIH UNTUK
MENGAWASI PENGEDARAN
MAKANAN KEPADA BALU
DAN KEPADA ORANG YANG
MEMERLUKANNYA."



"INI SATU LANGKAH BIJAK DAN STRATEGIK
YANG MEMBANTU BILANGAN PENGIKUT
YESUS BERTAMBAH."




SAYA DAPAT
MELIHATI! SAYA
DAPAT MELIHATI!

YESUS TELAH
MENYEMBUH KAMU
- YESUS KRISTUS
DARI NAZARET.

"STEFANUS SANGAT DIBERKATI OLEH ALLAH DAN DIA
DIBERI KUASA UNTUK MELAKUKAN MUKJIZAT"



"TETAPI SELEPAS KONFRONTASI DENGAN BEBERAPA ORANG YAHUDI
DARI WILAYAH LAIN, DIA DITANGKAP DAN DIBAWA UNTUK MENGHADAP
MAJLIS AGAMA DAN DITUDUH MEMBERI KESAKSIAN PALSU."



"TETAPI TEOFILUS, INI JUGA KISAH
PERMULAAN SAULUS DARI TARSUS..."

RAMAI IMAM MAJLIS AGAMA PERCAYA INJIL
ATAU "BERITA BAIK" YESUS!

JAUH LEBIH BANYAK ORANG MENGIKUTI YESUS
SEKARANG BERBANDING DENGAN MEREKA YANG
MENGIKUTINYA SEPANJANG HAYATNYA!

DENGAN BIMBANG, AHLI-AHLI MAJLIS
AGAMA DAN MAJLIS PEMERINTAH
BERKUMPUL UNTUK BUATKAN KEPUTUSAN
TENTANG APA YANG PERLU DILAKUKAN.

IMAM TERTINGGI MENJEMPUT
SEORANG PEMUDA YANG MARAH,
YANG DISEBALIKNYA NANTI, AKAN
MENJADI SEORANG RASUL.



KAMI TELAH
MENCAPAI SATU
TITIK KRISIS!

MENANGKAP DAN MEMUKUL
RASUL-RASUL PALSU ITU TIDAK
MENYELESAIKAN APA-APA.

MEREKA TIDAK
MENGHIRAUKAN
AMARAN KAMI!



MEREKA
MENJAWAB, "KAMI
HARUS TAAT KEPADA
ALLAH DAN BUKAN
KEPADA MANUSIA!"

MEREKA
BERTINDAK
SEOLAH-OLAH KAMI
ADALAH MUSUH
TUHAN!

MEREKA
MENAFIKAN
KEWIBAWAAN KAMI
DI HADAPAN
RAKYAT!



INI BERTAMBAH
TERUK SETIAP HARI.
SAYA TELAH
MENJEMPUT KAPTEN
PENGAWAL KUIL,
SAULUS DARI TARSUS,
UNTUK BERCAKAP
DENGAN KAMI.

PENATUA-PENATUA
YANG DIHORMATI,
ANAK-ANAK ABRAHAM!



YERUSALEM DILANDA MALAPETAKA
OLEH PENGIKUT-PENGIKUT PALSU
AL-MESIAS, YESUS.

MEREKA MEMASUKI RUMAH
IBADAT DAN TEMPAT
TINGGAL KAMI, MERACUNI
MINDA RAKYAT KAMI.

MERACUNI
MINDA MEREKA?



DENGAN MEMBUKA
KITAB SUCI DAN MENGAJAR
TENTANG PENGORBANAN
KEKAL MESIAS?

BUKAN,
NIKODEMUS!

DENGAN MENGATAKAN
TUKANG KAYU ORANG
GALILEA ITU DIPILIH
OLEH TUHAN!
SEORANG LELAKI
YANG TELAH DISEMBELIH
DALAM DIAM BAGAI
HAIWAN YANG TIDAK
BERDAYA, DIKALAHKAN
OLEH PENINDAS
ROMA KAMI!

ADAKAH DIA
DIKALAHKAN?

ATAU ADAKAH
DIA TUNDUK KEPADA
KEMATIAN- SEPERTI YANG
DISEBUT OLEH YESAYA -
UNTUK DOSA-DOSA
RAKYAT?

ADAKAH KAMU
SEKARANG PENGIKUT
TUKANG KAYU ITU,
NIKODEMUS?

SAULUS, NIKODEMUS
SEORANG PENTING AHLI
MAJLIS KAMI. CAKAP
DENGAN DIA DENGAN
HORMAT!

SAYA FAHAM BIMBANG
SI PEMUDA SAULUS INI.
DULU SAYA MUNGKIN
AKAN FIKIRKAN PERKARA
YANG SAMA.

SI BLIS BERPIHAK
KEPADA MESIAS PALSU,
BUKAN?

AHLI-AHLI
MAJLIS SUCI!!

ADAKAH KAMU HANYA
BERDIRI DI SINI DAN
BIARKAN SI NIKODEMUS
MEMPERTAHANKAN
AJARAN SESAT INI?

SAULUS DARI TARSUS, SAYA
PASTI KAMU TIDAK AKAN KENAL
MESIAS ISRAEL KALAU DIA MEMAKAI
MAHKOTA RAJA DAUD DAN MEMUKUL
KAMU DENGAN TONGKAT MUSA!



RABBAN
GAMALIEL, CUCU
HILLEL YANG
DIHORMATI.

SAYA BELAJAR
DI KAKI-MU SELAMA
LIMA TAHUN.

TUAN MENGAJAR
SAYA BAHWA KITAB
TAURAT ADALAH
JALAN, KEBENARAN
DAN KEHIDUPAN.

NAMUN KAMI BERDUA
TELAH MENDENGAR ORANG GALILEA
ITU BERKATA, "AKULAH JALAN UNTUK
MENGENAL ALLAH DAN UNTUK
MENDAPAT HIDUP. TIDAK SEORANG
PUN DAPAT DATANG KEPADA BAPA
KECUALI MELALUI AKU."



DIA MENINGGAL DUNIA
DALAM PELUH DAN DARAHNYA
SENDIRI. TIDAKKAH TAU
BERKATA, "TERKUTUKLAH
MEREKA YANG DIGANTUNG
DARI POKOK"?

RAMAI ORANG KAMI,
BEBERAPA PEMIMPIN KAMI
PUN, MENINGGALKAN KAMI
UNTUK MENGIKUTI SEORANG
LELAKI YANG MATI!



TETAPI BAGAIMANA
JIKA YESUS INI...
TIDAK LAGI MATI?

ADAKAH KAMI AKAN
MENGAKU KEPERCAYAAN
KAMI DENGAN KUAT,
SAMBIL BERFIKIR MANUSIA
TIDAK BOLEH BANGKIT
DARI MATI?



BAH! DIA TIDAK
MATI PUN DARI
AWAL LAGI.

JADI DIMANA DIA?
APA YANG TERJADI DENGAN
TUBUHNYA?

PENGIKUT-
PENGIKUTNYA
TELAH MENCURINYA.

KAMU FIKIR PENGIKUT-
PENGIKUTNYA YANG PENGECUT ITU
MENGALAHKAN PENGAWAL ROMA
YANG BERSENJATA DAN
MENGGERAKKAN BATU ITU?



PEGAWAI-PEGAWAI KUIL
TELAH MENGELEDAH RUMAH
DAN KAWASAN DESA
PENGIKUT-PENGIKUTNYA.
MAYATNYA TIDAK DIJUMPAI!

SAYA TELAH
MENDENGAR INI TERLALU
BANYAK KALI SUDAH!
SAYA TIDAK MAHU
MENDENGARNYA LAGI!



TUKANG KAYU DARI NAZARET ITU ADALAH SEORANG PENGHUJAT YANG MENGHINA TUHAN!

SEORANG "PENGHUJAT" YANG TIGA ORANG DI SINI, BERSAMA 500 ORANG LAIN TELAH MELIHATNYA MATI!

INI SATU AMARAN, KALAU KITA TIDAK MENGHANCURKAN AJARAN PENGIKUT-PENGIKUTNYA YANG MEREKA MEMANGGIL INJIL RAHMAT, IA AKAN MENGAKHIRKAN KITA DAN CARA HIDUP KITA!

KITA HARUS MEMIMPIN RAKYAT KITA KEMBALI KEPADA HUKUM-HUKUM MUSA - SATU-SATUNYA HARAPAN MEREKA UNTUK PENYELAMATAN.



ATAU ADAKAH TUHAN SATU-SATUNYA HARAPAN UNTUK PENYELAMATAN?

SEORANG TUHAN, YANG MUNGKIN, TELAH MENGHANTAR ANAKNYA MENJADI DOMBA KORBAN UNTUK DOSA-DOSA DUNIA?

JANGAN KAMU PULA MULA BERKHUTBAH SEPERTI...



... SI BODOH ITU!!!



SAULUS! BAHAGIAN MANA DALAM HUKUM MUSA YANG MEMBENARKAN KAMU UNTUK MENGHINA ORANG YANG LEBIH TUA DARIPADA KAMU?



RABBAN GAMALIEL.
SAYA... TIDAK
SEGAJA MENGHINA.

BUKAN PENGHINAAN
KAMU YANG KAMU
PATUT BIMBANGKAN.

APA YANG TUHAN,
HAKIM SELURUH UMAT
MANUNSLA, FIKIR TENTANG
KEBENCIAN DALAM HATI
ANDA?



BUKANKAH KAMU YANG
MENGJAR-KU YANG KITA MESTI
PERTAHANKAN HUKUM TUHAN,
DAN MEMEGANG KEPADA
KEBENARANNYA TIDAK KIRA
APA PUN?

IZINKAN SAYA
MEMBACA DARI SKROL
PARA NABI?



YESAYA
BERKATA
TENTANG
MESIAS:

"TETAPI DIA
DILUKAI KERANA DOSA KITA,
DIA DISEKSA KERANA PERBUATAN
JAHAT KITA. KITA DISELAMATKAN
KERANA HUKUMAN YANG
DITANGGUNGGNYA, KITA
DISEMBUHKAN KERANA
LUKA-LUKANYA."



"DIA TIDAK
MEMBUKA MULUTNYA
SEPERTI ANAK Domba
YANG DIBAWA KE
PEMBANTAIAN."

"DIA DITAHAN
DAN DIHAKIMI,
LALU DIGIRING
UNTUK DIHUKUM
MATI. DIA DIHUKUM
MATI KERANA DOSA
BANGSA KITA."



BUKANKAH KAMU
KATAKAN BAHAWA YESUS
DIGANTUNG DI ATAS SALIB
DENGAN SENYAP SEPERTI
SEEKOR HAIWAN YANG
DISEMBELIH?

BAHAWA
DIA TELAH
DITIKAM OLEH
ORANG-ORANG
ROMA?

MUNGKINKAH DIA YANG
YESAYA KATAKAN AKAN MATI
KERANA DOSA BANGSA
KITA?



ADAKAH
DIA MESIAS?
ATAU...
BUKAN?

SAYA
KATAKAN...
KITA MESTI
TUNGGU DAN
LIHAT.

ORANG YANG BERBOHONG
TENTANG PERKARA SEPERTI
MAKAN DENGAN TUHAN-MANUSIA
YANG TELAH BANGKIT DARI
KEMATIAN TIDAK AKAN BERPEGANG
KEPADA BOHONG ITU APABILA
MENGHADAPI PENYEKSAAN YANG
MUNGKIN MENANTI MEREKA.

TETAPI KALAU DIA MESIAS
YANG TELAH DIJANJIKAN,
SIAPAKAH KAMI UNTUK
MENENTANG RANCANGAN
ALLAH YANG MAHA ESA?

DIA TELAH
DITANGKAP!



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV